



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 3 DISEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	WIDESPREAD ABUSE SPARKS OUTRAGE AMONG PET LOVERS, NATIONAL, THE SUN-4	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	USAH GANGGU INDUSTRI KERANG PONTIAN, NEGARA, KOSMO-18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	KEKALKAN PONTIAN HAB PENGELUARAN KERANG, DALAM NEGERI, UM-34	
4.	PESAWAH RUGI BENDANG DITENGGELAMI BANJIR SELEPAS TABUR BENIH PADI, DALAM NEGERI, UM-11	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
5.	BANTU USAHAWAN PERKUKUH EKONOMI, BISNES, HM-27	BANK PERTANIAN MALAYSIA (AGROBANK)
6.	PESAWAH DIJANGKA ALAMI KERUGIAN RM20J, LOKAL, HM-7	LAIN-LAIN
7.	PEMBEKAL PERLU SEGERA KELUAR SENARAI HARGA BAHARU BERAS PUTIH IMPORT-AMEER ALI, NASIONAL, SH-10	
8.	PESAWAH MAHU HARGA PADI RM1,600, NASIONAL, SINAR HARIAN-11	
9.	BERAS PUTIH IMPORT "MONOPOLI" PASARAN, LOKAL, HM-18	
10.	EATERY PRICES UNCHANGED DESPITE CHEAPER IMPORTED RICE, NATION, THE STAR-13	
11.	TENGGUJUJH PUNCA IKAN LAUT SEGAR NAIK HARGA, NEGERI, SH-27	

Ukk KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Widespread **abuse** sparks outrage among pet lovers

➤ With more than 9,400 cases reported since 2021, animal rights advocates urge govt to create awareness, enforce stricter laws to address mistreatment

BY KIRTINEE RAMESH
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: A total of 9,414 cases of animal abuse have been reported by the Veterinary Services Department (DVS) since 2021, sparking outrage among Malaysians, especially pet lovers.

DVS statistics also revealed that Selangor has the highest reported cases at 3,709, followed by Kuala Lumpur with 1,240, Johor 914, Penang 841, Terengganu 619, Perak 560, and Kedah 512.

Lower numbers were observed in Negeri Sembilan with 480 cases, Malacca 169, Pahang 178, Kelantan 63, Putrajaya 36, Labuan 75, and Perlis with 23 cases.

In July, four animal abuse cases were reported in just a week, with one resulting in the death of 27 dogs due to suspected poisoning.

An animal rights activist, who goes by Kyrilescobar on X, shared a video of an exposed mass grave of strays in Sitiawan, Perak on Nov 4, showing carcasses of dogs including that of a puppy.

The post claimed they were killed by the local council in an effort to cull strays.

Meanwhile, animal rights groups continue to demand legal action against the Besut district council after it shot a beloved stray on Oct 6 during a culling operation.

The dog, named Kopi, had captured hearts of many nationwide after a video of her playing with a kitten was widely viewed on social media.

A heart-wrenching video captured the final moments of the whimpering dog as she was consoled by a passerby.

Persatuan Haiwan Terbiar Malaysia president Kalaivanan Ravichandran told *theSun* that the stray population in Malaysia is in the tens of thousands, and continues to grow due to abandonment and ineffective control policies.

"We receive about 150 reports of animal abuse each month, which we validate with evidence before forwarding to the DVS, which said all reported cases are thoroughly investigated, including those forwarded by



Kalaivanan said shelters and NGOs provide critical services, including care, rehabilitation, and adoption programmes for strays. —MASRY CHE ANI/THESUN

the association.

"The most common forms of abuse we have encountered include beating, maiming, poisoning and neglect.

"Strays are also deprived of food, clean water, and medical care. Pets are also abandoned without shelter or resources for survival."

Kalaivanan said many strays end up as roadkill, which further highlight the need for compassion and accountability in addressing issues involving them.

To address the widespread abuse by the public and local authorities, animal rights advocates have called on government agencies to work with NGOs to raise awareness, enforce stricter animal welfare laws, and implement spaying and neutering programmes to control stray populations.

"We are committed to advocating (the rights of) animals that suffer abuse and neglect, but we need public support to continue our work," said Kalaivanan, adding that public education is key to preventing animal cruelty.

He stressed the importance of educating the public on the value of every life, and promoting the humane treatment of

all animals.

He said despite having laws to combat animal cruelty, enforcement is inconsistent and requires stricter implementation, in addition to increased awareness, to ensure offenders are held accountable.

To ensure that animals in need of help receive care and attention, Kalaivanan called on the public to direct reports of animal abuse or neglect to the DVS, local authorities or hotlines set up by various animal welfare NGOs.

Kalaivanan also said overcrowded shelters and financial constraints often prevent NGOs from addressing the issue effectively, but despite such obstacles, shelters and NGOs provide critical services, including care, rehabilitation, and adoption programmes for strays.

"The association also matches animals with suitable families and offers ongoing support to ensure successful rehoming.

"We urge all Malaysians to treat animals with kindness and responsibility.

"Report abuse, support adoption initiatives, and help raise awareness to improve the lives of stray animals in Malaysia," said Kalaivanan.

Usah ganggu industri kerang Pontian

PONTIAN – Pihak berkuasa diminta memastikan usaha menjadi jadik daerah Pontian sebagai hab pengeluaran kerang negara dilakukan secara berterusan tanpa diganggu gugat oleh mana mana pihak.

Pengerusi My Komuniti Perikanan (My KP) Pengkalan Jeli Nelayan Ayer Baloi, Dawik Mohamad Ali berkata, terdapat lima pangkalan nelayan di daerah ini yang terlibat dengan pengeluaran kerang seperti Pengkalan Nelayan Ayer Baloi, Pulau Sebatang,

Tampok, Sanglang dan Permas.

"Setiap pangkalan telah diberikan plot atau tapak pembiahan kerang yang melibatkan kawasan seluas 270 hektar untuk kegunaan nelayan di setiap pangkalan berkenaan.

"Setiap lot tersebut telah mempunyai buku hijau atau geran pemilikan yang sepatutnya difahami semua pihak supaya tidak berlaku kes pencerobohan dan sebagainya," katanya.

Menurut Munir, pengeluaran kerang di Johor mencecah lebih

1,000 tan pada 2017, dengan tiga daerah pengeluar utama iaitu Pontian, Batu Pahat dan Muar.

Namun kataya, kejadian pencerobohan kawasan pembiahan kerang menyebabkan industri ternakan kerang di Pontian mengalami kepupusan kerana ketiadaan benih kerang.

"Kerang dari laut Pontian yang terbaik dan pernah mencecah harga RM30 sekilogram dan nelayan juga memperoleh pendapatan antara RM800 hingga RM1,000 sehari," jelasnya.



SEORANG nelayan, Khairul Enjah menunjukkan Pangkalan Jeli Nelayan Ayer Baloi yang menjadi lokasi pengeluaran kerang utama daerah Pontian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/12/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	34

Kekalkan Pontian hab pengeluaran kerang

Oleh MUHAMMAD ZIKRI
 utusannews@mediamulia.com.my

PONTIAN: Jabatan Perikanan negeri diminta membantu menjadikan daerah ini kekal sebagai hab pengeluaran kerang supaya tidak diganggu oleh pihak tidak bertanggungjawab yang didakwa melakukan pencerobohan.

Pengerusi MyKomuniti Perikanan (MyKP) Pangkalan Jeti Nelayan Ayer Baloi, Dawik Mohamad Ali berkata, adalah merugikan sekiranya usaha itu tidak dapat direalisasikan selepas lima tahun dilancarkan.

Katanya, terdapat lima pangkalan nelayan di daerah ini yang terlibat dalam pengeluaran kerang iaitu Pangkalan Nelayan Ayer Baloi, Pulau Sebatang, Tampok, Sanglang dan

Permas dengan setiap pangkalan diberikan plot atau tapak pembiakan kerang yang melibatkan kawasan seluas 270 hektar bagi setiap pangkalan berkenaan.

“Setiap lot mempunyai buku hijau atau geran pemilikan supaya tidak berlaku kes pencerobohan dan sebagainya. Pihak yang ingin mempunyai lot sendiri, boleh memohon menerusi Pejabat Perikanan supaya tiada lagi kejadian yang tidak sepatutnya berlaku,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Dawik memberitahu, pencerobohan kawasan pembiakan kerang boleh menyebabkan industri ternakan kerang di daerah ini mengalami keputusn kerana ketiadaan benih.

“Kita nelayan sama-sama cari makan, mereka yang tidak

diberikan tempat pembiakan kerang, tidak harus ada iri hati dan tidak puas hati, perkara tersebut boleh dirujuk kepada pihak berkuasa.

“Kerang dari laut Pontian sebenarnya yang terbaik dan pernah mencecah harga sehingga RM30 sekilogram dan nelayan juga memperolehi pendapatan antara RM800 hingga RM1,000 sehari,” jelasnya.

Nelayan, Khairul Enjah, 50, berpendapat, semua pihak perlu memelihara pengeluaran kerang supaya orang ramai dapat mendapatkan bekalan termasuk peniaga makanan.

“Jika tiada benih kerang, bagaimana untuk memperolehi kerang bagi keperluan penduduk tempatan, situasi ini yang perlu difahami oleh semua pihak,” katanya.



KHAIRUL Enjah menunjukkan Pangkalan Nelayan Ayer Baloi yang merupakan antara lokasi pengeluaran kerang utama di daerah Pontian.

Pesawah rugi bendang ditenggelami banjir selepas tabur benih padi

Oleh MUHAMMAD AIMY AHMAD
muhammadaimy@mediamail.com.my

ALOR SETAR: Pesawah kawasan Perubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) - II Kuala Sun-gai, di sini terpaksa berpaut mata setelah tanaman padi mereka berisiko musnah akibat bencana banjir sejak beberapa hari lalu.

Lebih malang, sebahagian besar mereka tidak sempat menunggu selesai menabur benih padi masing-masing yang berkemungkinan kini sudah rosak.

Saad Ahmad, 77, dari Kampung Alor Gunung berkata, dia berhabis kira-kira RM15,000 baru-baru ini bagi pembelian benih padi untuk keseluruhan 14 hektar sawah diusahakannya bagi Musim 2/2024.

"Kos itu tidak termasuk upah menabur benih padi yang mencecah lebih RM2,000. Anak padi yang berusia tidak sampai tujuh hari ini telah ditenggelami air yang bercampur lumpur.

"Jadi, tanaman kali ini amat



SAAD AHMAD (kanan) dan Azhar Awang menunjukkan sawah milik mereka yang terjejas dan rosak ekoran bencana banjir yang melanda di Jalan Gunung Keriang. - UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN

Dalam banjir pada pertengahan September lalu, sejumlah 5,388.69 hektar sawah dalam kawasan MADA tenggelam akibat banjir sini semalam.

Jitra, 2,206.7 hektar di Wilayah III Pendang dan 1,636.33 hektar di Wilayah IV Kota Sarang Semut.

Sementara itu, Azhar Awang, 54, bernasib baik apabila dia belum sempat menabur benih padi kerana selesai melakukan kerja-kerja membadi di dua hektar sawah miliknya.

"Kalau diiktiraf pada hari pertama air mulai naik di sawah itulah saya sepatutnya menabur anak benih padi tetapi tidak sempat berbuat demikian kerana banjir.

"Memang saya sendiri tak rugi banyak tetapi ramai kawan-kawan saya sudah memulakan tanaman masing-masing yang kini menanggung kerugian tinggi kerana pokok padi yang baru tumbuh memerlukan pengawasan rapi serta tidak boleh terendam air dalam tempoh lama," katanya.

Dalam pada itu, MADA memaklumkan pihaknya masih mengumpul data terkini pesawah yang terjejas banjir terutamanya kawasan sawah yang terlibat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/12/2024	HARIAN METRO	BISNES	27

Bantu usahawan perkukuh ekonomi

Agrobank perkasakan usahawan tempatan melalui Program AUM

Kuala Lumpur

Agrobank memperkasakan usahawan tempatan yang menjejaskan ekonomi mikro dan sederhana melalui Program Agrobank Upward Migration (AUM). Inisiatif ini bertujuan membantu usahawan mengembangkan perniagaan dan memperkukuh ekonomi mereka, terutamanya dalam industri agrikultur.

Sebagai pengiktirafan terhadap usahawan yang telah menamatkan Program AUM, Agrobank telah menganjurkan Majlis Aspirasi Kecemerlangan yang membolehkan usahawan di bawah penyeliaan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCR).

Majlis ini meraikan lima syarikat yang berjaya menonjolkan pencapaian cemerlang dalam kategori seperti Peningkatan Jualan, Pengembangan Perniagaan, Penambahan Pekerjaan, Penambahan Kapasiti Teknologi dan Penambahan Kapasiti Pembiayaan.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, program AUM merupakan program berstruktur selama 12 bulan yang merangkumi sesi latihan kelas se-

cara fizikal atau atas talian, serta sesi bimbingan di premis usahawan.

"Modul yang disediakan termasuk Sem Urus Kewangan, Pemasaran, Penetapan Sasaran Syarikat dan Pengurusan Bisnes Gaya Korporat.

"Modul pembelajaran ini membuka peluang kepada usahawan kecil, sederhana, dan mikro yang berpotensi untuk mengembangkan perniagaan mereka.

"Dalam dunia perniagaan yang kompetitif, mereka dapat menggunakan kemahiran dan ilmu yang diperolehi untuk menjadi usahawan berdaya saing, serta memastikan kelangsungan dan pertumbuhan perniagaan yang berterus-terus," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, daripada 50 syarikat yang telah menamatkan Program AUM di empat negeri utara seperti Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak, 33 syarikat mencatat peningkatan jualan melebihi 20 peratus dan 14 syarikat berjaya mendapatkan pembiayaan tambahan sebanyak RM1.148 juta.

"Sehingga kini, program ini masih diteruskan dengan mensasarkan sebanyak 200 syarikat untuk dibimbing pada tahun 2025," katanya.

AGRO BANK MALAYSIA
Majlis Aspirasi Kecemerlangan

TENGGU Ahmad (empat dari kiri) bersama penerima anugerah Program AUM di Majlis Aspirasi Kecemerlangan

Pesawah dijangka alami kerugian RM20j

Alor Setar: Golongan pesawah di negeri ini diibarat sudah jatuh ditimpa tangga apabila kira-kira 4,000 hektar sawah sekali lagi ditenggelami banjir sejak Rabu lalu menyebabkan kerugian berganda.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) Abdul Rashid Yob berkata, banjir kali ini dijangka menyebabkan kerugian kira-kira RM20 juta apabila mereka perlu melalui pro-

ses menabur benih dan menanam sekali lagi.

"Pesawah kini semakin tersepit dengan hutang yang sangat tinggi, ramai pesawah yang terpaksa berhutang kerana tiada modal untuk mulakan musim dua tahun ini, banyak sawah yang terkena banjir dua kali.

"Pada September lalu, mereka tak dapat tuai dan jual hasil padi, sekarang selepas berhutang untuk tanam, sekali lagi sawah me-

reka terkena banjir, berganda-ganda kerugian mereka, mereka terpaksa tabur benih sekali lagi selepas ini," katanya ketika dihubungi, semalam.

Abdul Rashid berkata, harga benih padi ketika ini adalah RM60 seguni dengan berat 20 kilogram (kg).

Katanya, setiap hektar memerlukan kira-kira lapan hingga 10 guni benih bagi memastikan hasil yang tinggi.

"Itu belum dicampur dengan kos jentera untuk membajak sawah dan upah menabur, bayangkan berapa kerugian dan modal harus yang perlu ditanggung untuk pesawah menabur atau menanam semula padi," katanya.

Abdul Rashid berkata, pihaknya berharap kerajaan akan menyegerakan bantuan kepada pesawah untuk mereka bangkit semula bagi meneruskan usaha menanam padi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/12/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	10

Pembekal perlu segera keluar senarai harga baharu beras putih import - Ameer Ali

SHAH ALAM - Pengarah Urusan Mydin (pembekal) naikkan harga. Mohamed Holdings Berhad (Mydin), Datuk Ameer Ali Mydin menggesa pembekal segera mengeluarkan senarai harga baharu beras putih import (BPI) susulan pengumuman penurunan harga barangan tersebut. Menurut Ameer Ali, setakat ini pihaknya masih menunggu senarai harga daripada pembekal meskipun mereka telah sedia maklum mengenai perkara berkenaan. "Kalau naik harga, cepat betul mereka

Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dapat memberi tekanan kepada pembekal supaya segera menurunkan harga BPI. "Pembekal ini kalau boleh mereka akan melambatkan-lambatkan (penurunan harga). "Sebab mereka akan beri alasan-sama iaitu ada banyak stok bekalan, harga kos yang mahal. Itu alasan biasa," ujarnya.

"Jadi sekarang sudah turun harga, kita harap mereka boleh cepatkan (proses) dan hantar barang sekarang. "Pembekal belum menurunkan harga lagi. Kita minta pembekal (hantar senarai harga baharu) sebab Kementerian telah membuat pengumuman dan ia berkuat kuasa pada 1 Disember," katanya. Sehubungan itu, Ameer berharap kerajaan melalui Kementerian Perdagangan



Pesawah mahu harga padi RM1,600

Harga lantai belian padi RM1,500 satu tan metrik rendah, jejasakan pesawah

Oleh **MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR**
SABAK BERNAM

Kira-kira 800 pesawah di Mukim Pasir Paniang di sini mengeluh berikutan harga lantai belian padi menurun daripada RM1,600 ke-pada RM1,500 satu tan metrik yang disifatkan rendah dan membebaskan golongan itu.

Rata-rata pesawah kecewa apabila harga belian itu lebih rendah selain masih mengekalkan potongan pemutuan padi pada kadar 20 peratus.

Pesawah, Hisyamudin Hussin, 30, berkata, kebanyakan pesawah tidak sempat menikmati harga RM1,600 satu tan

metrik berikutan tanaman padi masih belum dituai kerana cuaca tidak menentu akibat hujan.

"Harga belian padi (RM1,600) ini tiga hari sahaja sewaktu padi mula dijual sedangkan lebih 90 peratus tanaman di mukim ini masih belum dipotong.

"Kami merayu kepada kerajaan mengembalikan semula harga padi pada harga asal dan bukannya menurunkan harga yang lebih rendah.

"Saya sendiri akui terkesan kerana harga belian padi jatuh, sedangkan musim ini terdapat peningkatan dari segi kualiti padi bagi menampung kos-kos lain," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Sulbani Abd Karim, 59, pula berkata, kejatuman harga belian padi menjejaskan pesawah apabila terpaksa berdepan kos kenaikan upah jentera menuai dan membajak berikutan penyusunan subsidi diesel sebelum ini.

"Jika dahulu kos untuk mesin jentuai dan upah lori penghantaran ke kilang hanyalah RM65 se-

sangat rendah iaitu antara lapan hingga 12 peratus sahaja berbanding 10 tahun kebelakangan ini.

"Saya masih ingat walaupun harga belian padi waktu itu rendah, namun potongan pemutuan pula tidaklah terlalu tinggi macam sekarang yang melebihi 20 peratus.

"Saya mencadangkan kerajaan memberi galakan kepada pesawah yang melebihi tujuh tan metrik pengeluaran hasil padi diberikan potongan pemutuan bawah 17 peratus di sebalik harga belian yang tidak menentu," katanya.

Mohd Sabri Samsuddin, 33, berkata, penurunan harga itu memusnahkan hasrat golongan pesawah untuk menikmati hasil lebih baik pada musim ini.

"Saya harap dapat meningkatkan hasil pengeluaran kerana musim ini kurang masalah serangan serangga dan haiwan perosak, tetapi isu harga belian padi pula rendah," tambahanya.



SULBANI



HISYAMUDIN



Arbain kecewa apabila harga padi turun dan pemotongan pemutuan padi masih pada kadar tinggi.

tiap tan metrik, kini harganya meningkat kepada RM95 bagi kos yang sama," ujarnya.

Bagi Arbain Manap, 52, pesawah kecewa apabila harga

padi turun termasuk pemotongan pemutuan padi masih pada kadar tinggi.

Ujarnya, jika 20 atau 30 tahun dahulu pemutuan potongan padi



PEKERJA kedai runcit menyusun beras putih import di sebuah premis di sekitar ibu kota.

Beras putih import 'monopoli' pasaran

Bekalan beras tempatan sukar ditemui di kedai, pasar raya

Oleh Nurul Hidayah
Bahaudin
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bekalan beras putih import terus 'monopoli' pasaran apabila kedai mahupun pasar raya di ibu negara didapati masih menjual beras jenis berkenaan.

Tinjauan Harian Metro di beberapa premis semalam mendapati kesemuanya hanya menjual beras putih import.

Pemerhatian di sebuah pasar raya, di sini, mendapati premis itu mempunyai banyak bekalan beras putih yang kesemuanya import.

Semakan dilakukan mendapati beras putih import dijual pada harga antara RM19.60 hingga RM36.99 bagi lima kilogram (kg), manakala 10 kilogram beras sama dijual antara RM34.99 hingga RM44.90.

Tinjauan, Cahaya Sakti, 31, berkata, sebelum ini dia membeli beras putih tempatan namun tiada bekalan beras



SEORANG wanita membeli barangan keperluan asas seperti beras di ibu kota.

berkenaan di pasaran.

"Sebelum ini, memang beli beras tempatan sahaja sebab murah, tetapi susah nak cari bekalan beras itu.

"Saya sendiri sudah lama tak jumpa beras putih tempatan menyebabkan terpaksa pilih beras import.

"Setiap bulan, saya beli bekalan beras dan berdasarkan pemerhatian harga beras putih (import) masih sama sahaja seperti bulan lalu," katanya ketika

ditemui di pasar raya berkenaan, semalam.

Situasi sama dilihat ketika tinjauan di sebuah kedai serbaneka, di sini, apabila hanya bekalan beras putih import dijual di premis berkenaan.

Pekerja kedai runcit itu berkata, majikannya tidak kerap mengambil bekalan beras putih import kerana tidak banyak permintaan daripada pembeli.

"Bos selalu ambil bekalan beras putih dalam tempoh beberapa hari se-

bab tidak banyak pembeli (beras) di sini (kedai runcit).

"Selalunya bos akan ambil bekalan beras putih import lima kg dan 10 kg sahaja, itu pun susah juga untuk laku. Beberapa stok sahaja pun ambil masa dekat seminggu untuk habis," katanya.

Terdahulu, media melaporkan Padiberas Nasional Bhd (Bernas) bersejuru menurunkan harga jualan beras putih import di pintu gudang Bernas di Semenanjung Malaysia daripada RM3,000 per tan kepada RM2,800 per tan berkuat kuasa 1 Disember lalu.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dilaporkan berkata, persetujuan itu dicapai hasil perbincangan di antara kementeriannya dengan Bernas, baru-baru ini.

Penurunan harga itu adalah selari dengan penurunan harga semasa pasaran beras dunia dan pengukuhan nilai tukaran Ringgit Malaysia berbanding dolar Amerika.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/12/2024	THE STAR	NATION	13

Eatery prices unchanged despite cheaper imported rice

By BENJAMIN LEE
benlkh@thestar.com.my

PETALING JAYA: The lower price of imported white rice (BPI) at Padiberas Nasional Bhd (Bernas) warehouses will have minimal impact on food prices at restaurants, say industry players and consumer groups.

Petaling Jaya Coffeeshop Association president Keu Kok Meng said the reduced BPI price would unlikely lead to a price reduction for hawker food, as most stalls prefer using local rice.

"High-end restaurants mostly

use imported rice, while most stalls in coffee shops selling chicken rice, fried rice or mixed rice use local rice.

"As a result, the majority of Malaysians will likely not enjoy any savings from this BPI price reduction," he said in response to the announcement by Bernas that the BPI price would be reduced from RM3,000 to RM2,800 per tonne from Sunday.

With the announcement, Malaysia continues to offer the lowest prices for imported rice in South-East Asia.

Federation of Malaysian Consumers Associations (Fomca)

chief executive officer Saravanan Thanbirajah said the price reduction would likely benefit those who cook at home as opposed to those who eat out.

He said the price reduction of about 6.67% would likely see the price of rice in retail shops dropping.

Saravanan said the price of a 5kg bag is expected to drop by at least RM1 and the cost of a 10kg bag will be reduced by up to RM3.

"This reduction will help consumers save money, especially those from low-income families, while improving access to

affordable food.

"While the exact reduction at the retail level may vary due to distribution and other costs, the move is a positive step toward easing the financial burden on households and ensuring better food security for Malaysians.

"However, this will likely not cause a drop in restaurant prices as seen previously, though businesses might be inclined to provide larger rice portions to entice customers," he said.

Restaurant and Bistro Owners Association president William Lee said the BPI price reduction would translate to savings of only

about 20sen per kg for businesses.

"The lower raw material costs can improve profit margins by reducing operating costs, which could allow for competitive pricing.

"Businesses could pass on these savings to consumers by providing more affordable meals that could drive up demand, which benefits both businesses and customers," he said.

In March, Bernas reduced the BPI price from RM3,200 to RM3,000 per tonne in Peninsular Malaysia, at a time when the prices were at their highest level in 15 years.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/12/2024	SINAR HARIAN	NEGERI	27

Tengkujuh punca ikan laut segar naik harga

Kebanyakan peniaga hanya menjual stok ikan sejuk beku

Oleh ASWANY OMAR
KOTA BHARU

Kenaikan harga ikan di negeri ini hanya membabitkan ikan laut segar kerana kekangan nelayan turun ke laut selain faktor banjir besar di selatan Thailand.

Timbalan Yang Dipertua Persatuan Pemborong Penjaja Ikan Negeri Kelantan, Zulkefli Ismail berkata, bagaimanapun hanya ikan kerisi dan cencaru yang mengalami kenaikan harga kerana tiada dalam stok ikan sejuk beku.

Beliau memberitahu harga belian ikan kerisi sebelum ini ialah RM12 dan sekarang mencecah RM14 hingga RM15.

"Stok ikan tidak banyak dan ada peniaga menjualnya pada harga antara RM15 hingga RM16," katanya.

Beliau berkata, harga ikan cencaru daripada peraih ialah RM8 dan dijual antara RM9 hingga RM10.

Ujarnya, ikan kembung dan bawal dari Thailand, Vietnam dan India mungkin mengalami kenaikan harga susulan Monsun Timur Laut (MTL).

"Ikan jenis ini juga tidak banyak dalam pasaran dan harga jualan



Semek (kanan) dan Mukarasmah menjual ikan pada harga biasa ketika ditemui di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu pada Isnin.



ZULKEFLI

antara RM14 hingga RM15 bagi saiz besar," katanya.

Menurut beliau, kebanyakan peniaga kini hanya menjual stok ikan sejuk beku yang masih banyak.

Zulkefli turut mengingatkan pelanggan supaya tahu perbezaan antara ikan segar dan sejuk beku bagi mengelakkan mereka ditipu penjual ikan.

"Biasanya ikan sejuk beku masih ada ais di badan namun ada peniaga yang merendamnya lebih lama supaya pelanggan percaya ia ikan segar.

"Di mana nak cari ikan segar musim ini? Nelayan pun tidak berani turun ke laut," katanya.

Sementara itu, peniaga ikan di Pasar Siti Khadijah di sini, Semek Deraman, 63, berkata, ikan selayang sejuk beku yang dijual masih pada harga biasa antara RM8

hingga RM10 sekilogram bergantung pada saiz.

Semek yang menjual ikan bersama anaknya, Mukarasmah Mat Lazim, 29, berkata, ikan nelayan tempatan memang mahal ketika ini kerana mereka sudah tidak turun ke laut.

"Memang setiap kali musim tengkujuh akan berlaku isu kenaikan harga ikan tetapi untuk tahun ini saya masih menjual pada harga biasa," katanya.

Peniaga, Armizi Abd Raman, 40, berkata, ikan selayang segar yang ditangkap nelayan berlaku kenaikan harga iaitu RM12 sekilogram.

Bagaimanapun katanya, ikan selayang segar sukar didapati dan mereka hanya menjual ikan sejuk beku sahaja.

Katanya lagi, harga ikan sejuk beku tidak terjejas dan masih pada harga sama.

"Kita ada stok ikan sejuk beku tempatan walaupun Thailand kini mengalami banjir besar," katanya.